



# **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI KE-25 TAHUN 2024**

**6 FEBRUARI 2024  
(SELASA)**

**DEWAN KENANGA,  
MENARA BANDARAYA MBSP**



**Dirasmikan oleh :  
YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad  
PENASIHAT PUSPANITA MBSP**

## KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT				
1.	Lagu PUSPANITA	3		6.	Agenda Mesyuarat Agung PUSPANITA NBSP Kali ke-24	11
2.	Carta Organisasi Ahli Jawankuasa Induk PUSPANITA MBSP Sesi 2023-2025	4-7		7.	Minit Mesyuarat Agung PUSPANITA MBSP Kali Ke-24 Tahun 2023	12-16
3.	Visi, Moto & Misi PUSPANITA	8		8.	Pembentangan Jawapan Usul Bertulis Mesyuarat Agung PUSPANITA MBSP Kali Ke-24 Tahun 2023	17-18
4.	Notis Mesyuarat Agung PUSPANITA MBSP Ke- 25 Tahun 2024	9		9.	Laporan Setiausaha Bagi Penganjuran Program / Aktiviti PUSPANITA MBSP Tahun 2023	19-56
5.	Atur Cara Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke-25	10		10.	Penyata Kewangan PUSPANITA MBSP Tahun Berakhir 31 Disember 2023	57-58
				11.	Pembentangan Usul Bertulis Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke-25 Tahun 2024	59
				12.	Hal-hal Lain	60

## LAGU PUSPANITA

PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA  
Tenaga isteri dan wanita  
PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA  
Tenaga isteri dan wanita

Bulan bintang empat belas penjur  
Lambang keutuhan bersatu padu  
Isteri, pegawai dan kakitangan semua  
Berganding bahu saling membantu


Sudah menjadi rasmi pembangunan  
Isteri bersama memberi kebajikan  
Disamping itu bertukar pandangan  
Menambah ilmu serta pengetahuan

Bunga padi tanda keteguhan  
Bergaul mesra tak kira keturunan  
Beramah tamah tak kira pangkat  
Tujuan asal capai matlamat

PUSPANITA mengorak langkah  
Peranan suri pendidik diasah  
Sifat kewanitaan meninggikan maruah  
Perikemanusiaan menjadi falsafah

PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA  
Tenaga isteri dan wanita  
PUSPANITA, PUSPANITA, PUSPANITA  
Tenaga isteri dan wanita

# CARTA ORGANISASI PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI SESI 2023 - 2025



## BIRO-BIRO AJK INDUK PUSPANITA

<p><b>1. BIRO PENDIDIKAN</b> PUAN EASVARI PRADHAA A/P MANOGRAN (KETUA) PUAN AZURA BINTI RAMLI PUAN RAJESWARI A/P SUBRAMANI</p>	<p><b>2. BIRO KESENIAN DAN KEBUDAYAAN</b> PUAN INTAN SYALINA BT MAT REJAB (KETUA) PUAN SHAZARIMA BT ROSLAN PUAN NUR SAFAWATI Bt MOHAMAD YUSOFF</p>
<p><b>3. BIRO LAWATAN DAN REKREASI</b> PUAN UMI SARA BT SAHIBON (KETUA) PUAN SHEREEN BINTI SALIM PUAN KHAIRULNISA BT ROSLY</p>	<p><b>4. BIRO EKONOMI</b> PUAN SARIMAH BT ISMAIL (KETUA) PUAN ZALEHA BT IBRAHIM PUAN NOR AZZILA BT ZAWAWI PUAN WANIAZLIN BT ABD MUTALIB</p>
<p><b>5. BIRO ICT DAN SERANTA</b> PUAN Sr NUR SHAKILA BT SHAMSUDIN (KETUA) PUAN ALIA NADHIRAH BT AHMAD SABRI PUAN ZUHAIZA BT ZAKARIYA</p>	<p><b>6. BIRO PEMBANGUNAN WANITA</b> PUAN NOR AZIMAH BT ISMAIL (KETUA) PUAN SITI SYAFIQAH BT YUSOF</p>
<p><b>7. BIRO KEBAJIKAN</b> PUAN ZAKIAH BT SAMSUDIN (KETUA) PUAN INTAN NADYRA BT ABU HASAN PUAN SANDRAKALA A/P SUBRAMANIAN</p>	

# AJK INDUK SESI 2023 - 2025



**NAIB PENERUSI II**  
**PUAN NORHAYATI BT SULAIMAN**



**PENERUSI**  
**YBHG. DATIN RAZIMAH BINTI MOHAMED**



**TIMBALAN PENERUSI**  
**PUAN NORAISYAH BINTI HASHIM**



**NAIB PENERUSI I**  
**PUAN SITI HASLINDA BT HASAN**

# SETIAUSAHA & PENOLONG SETIAUSAHA



**PENOLONG SETIAUSAHA II**  
**PUAN SITI JUHAIRAH BINTI MUHAMAD**



**SETIAUSAHA**  
**PUAN ROSMALINDA BT ROSLI**




**PENOLONG SETIAUSAHA I**  
**PUAN NURSHELA BT MARZUKI**



**PENOLONG SETIAUSAHA III**  
**PUAN NOR ASMIZA BT AHMAD**

# **BENDAHARI & PENOLONG BENDAHARI**



**BENDAHARI**  
**PUAN NORSHAZILA BT ALIAS**



**PENOLONG BENDAHARI**  
**PUAN RAHIDA BT ABDUL RAHIM**



## VISI

Ke Arah PUSPANITA Cemerlang

## MOTO

Wanita Sepakat Negara Meningkatkan

## MISI

Untuk menjadi wanita berdaya saing, berkualiti, berilmu, berkemahiran, berketerampilan dan bertaqwa supaya dapat menyumbang kepada pembangunan diri, keluarga dan masyarakat



# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MBSP KALI KE-25 TAHUN 2024



## PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Ruj. Kami : SU/PUSPA/MBSP/2024/28  
Tarikh : 30 Januari 2024

Semua Ahli PUSPANITA & Suri  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Puan,

### PINDAAN MASA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI KALI KE- 25 TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas dan surat bersiri SU/PUSPA/MBSP/2024/12 (10) adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-25 Tahun 2024 PUSPANITA MBSP yang dijadualkan pada 6 Februari 2024 (Selasa), 9.00 pagi telah dipinda seperti ketetapan berikut:


Tarikh : 6 Februari 2024 (Selasa)  
Masa : 1.50 petang  
Tempat : Dewan Kenanga, Menara Bandaraya  
Bandar Perda, Bukit Mertajam

3. Sehubungan itu, semua Ahli PUSPANITA MBSP adalah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ini. Ahli PUSPANITA MBSP akan diberi pelepasan waktu bertugas untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP.

4. Bersama-sama ini dikepilkkan Atur Cara Mesyuarat untuk makluman dan rujukan puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT"  
"PUSPANITA MBSP – DINAMIK DAN CEMERLANG"

  
(ROSMALINDA BINTI ROSLI)  
Setiausaha PUSPANITA  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Menara Bandaraya  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang



## PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Ruj. Kami : SU/PUSPA/MBSP/2024/12  
Tarikh : 15 Januari 2024

Semua Ahli PUSPANITA & Suri  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Puan,

### MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI KALI KE- 25 TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-25 Tahun 2024 seperti ketetapan berikut:


Tarikh : 6 Februari 2024 (Selasa)  
Masa : 8.00 Pagi – 1.00 Petang  
Tempat : Dewan Kenanga, Menara Bandaraya  
Bandar Perda, Bukit Mertajam

3. Sehubungan itu, semua Ahli PUSPANITA MBSP adalah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ini. Ahli PUSPANITA MBSP akan diberi pelepasan waktu bertugas untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP.

4. Bersama-sama ini dikepilkkan Atur Cara Mesyuarat untuk makluman dan rujukan puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT"  
"PUSPANITA MBSP – DINAMIK DAN CEMERLANG"

  
(ROSMALINDA BINTI ROSLI)  
Setiausaha PUSPANITA  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

ATURCARA  
PERASMIAN MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN PUSPANITA MBSP  
KALI KE-25 TAHUN 2024

**ATUR CARA**

**PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MBSP KALI KE – 25 TAHUN 2024**

Tarikh : 6 Februari 2024 (Selasa)  
Masa : 1.50 petang  
Tempat : Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP, Bandar Perda,  
Bukit Mertajam

- 01.50 petang : Pendaftaran Ahli
- 02.15 petang : Ketibaan Jemputan
- 02.20 petang : Ketibaan YBhg. Datin Razimah binti Mohamed  
Pengerusi PUSPANITA MBSP
- 02.25 petang : Ketibaan YBhg. Datin Norwani binti Muhamad Shariff  
Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang
- 02.30 petang : Ketibaan YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad  
Datuk Bandar MBSP *merangkap*  
Penasihat PUSPANITA MBSP
- 02.35 petang : Nyanyian Lagu Negaraku, Negeri Kita dan PUSPANITA
- : Bacaan Doa
- : Ucapan Aluan oleh YBhg. Datin Razimah binti Mohamed  
Pengerusi PUSPANITA MBSP
- : Ucapan oleh YBhg. Datin Norwani binti Muhamad Shariff  
Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang
- : Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad  
Datuk Bandar MBSP *merangkap*  
Penasihat PUSPANITA MBSP
- : Tayangan Montaj Aktiviti PUSPANITA Tahun 2023
- : Penyampaian hadiah dan cenderahati oleh  
Datin Razimah binti Mohamed  
Pengerusi PUSPANITA MBSP kepada :
- Ahli-ahli PUSPANITA MBSP yang bakal bersara / bersara
  - Anak-anak Ahli PUSPANITA yang cemerlang dalam Peperiksaan Awam (SPM/SVM/STPM) TAHUN 2022
- : Penyampaian Cenderahati Oleh YBhg. Datin Razimah binti Mohamed  
Pengerusi PUSPANITA MBSP kepada:
- YBhg. Datin Norwani binti Muhamad Shariff  
Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang
  - YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad  
Datuk Bandar MBSP *merangkap* Penasihat PUSPANITA MBSP
- 03.30 petang : Minum petang dan tetamu bersurai

**PAKAIAN : UNIFORM PUSPANITA / PEJABAT / BERSESUAIAN**

AGENDA  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
PUSPANITA MBSP  
KALI KE -25 TAHUN 2024

**AGENDA**

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MBSP KALI KE-25 TAHUN  
2024**


---

04.00 petang : Semua ahli mengambil tempat

---

- Pelantikan Pengerusi Mesyuarat
- Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-24 Tahun 2023
- Laporan Setiausaha PUSPANITA MBSP
- Laporan Bendahari PUSPANITA MBSP
- Perbincangan Usul-usul Bertulis
- Hal-hal lain
- Penangguhan Mesyuarat

(Cabutan bertuah akan diadakan di antara agenda ini)



**MINIT MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN PUSPANITA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
KALI KE – 24 TAHUN 2023**

**TARIKH : 10 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)  
TEMPAT : DEWAN KENANGA, MENARA BANDARAYA MBSP**

# MINIT MESYUARAT AGUNG PUSPANITA MBSP KALI KE- 24 TAHUN 2023

1

## MELANTIK Pengerusi Mesyuarat Agung PUSPANITA MBSP Kali Ke-24 Bagi Tahun 2023

Puan Sarimah binti Ismail dari Jabatan Perancang Bandar telah mencadangkan Puan Siti Haslinda binti Hasan sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai kali Ke-24 Tahun 2023 dan telah disokong oleh Puan Norshazila binti Alias dari Jabatan Perbendaharaan.

2

## UCAPAN ALUAN OLEH Pengerusi Mesyuarat

2.1 Puan Siti Haslinda bin Hasan selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan selamat pagi kepada semua ahli-ahli PUSPANITA MBSP termasuk Suri, Pesara dan bakal-bakal Pesara yang hadir Mesyuarat Agung PUSPANITA MBSP Kali Ke-24 Tahun 2023 juga ucapan terima kasih kepada semua kerana memberi kepercayaan untuk beliau mempengerusikan mesyuarat kali ini.

2.2 Pengerusi memaklumkan kehadiran ahli PUSPANITA ke mesyuarat adalah seramai **428 orang** adalah layak untuk mengundi dan cabutan bertuah. Adalah dimaklumkan juga hadiah untuk cabutan bertuah kali ini adalah sebanyak 303 hadiah. Ahli PUSPANITA MBSP yang bertugas di kaunter adalah layak diberi pertimbangan untuk cabutan bertuah.

Samb..

3

### **PERUTUSAN Pengerusi PUSPANITA MBSP**

Naib Pengerusi I PUSPANITA mengucapkan terima kasih kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk mempengerusikan mesyuarat pada kali ini dan berharap agar semua ahli dapat memberikan tumpuan kepada mesyuarat dan mesyuarat akan diselang-selikan dengan cabutan bertuah.

4

### **MENERIMA DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PUSPANITA MBSP KALI KE-23 TAHUN 2022**

Minit Mesyuarat Agung PUSPANITA MBSP Kali Ke-23 Tahun 2022 yang diadakan pada 11 Mac 2022 telah dicadang untuk disahkan oleh Puan Norshazila binti Alias dari Jabatan Perbendaharaan dan disokong oleh Puan Nor Asmiza binti Ahmad dari Jabatan Khidmat Pengurusan.

5

### **LAPORAN SETIAUSAHA PUSPANITA MBSP**

5.1 Laporan dibentangkan oleh Puan Nor Azimah binti Ismail, Penolong Setiausaha I PUSPANITA MBSP. Keahlian PUSPANITA MBSP sehingga 10 Februari 2023 adalah seramai 675 orang. Semua ahli di jabatan adalah diminta untuk sama-sama berkongsi berkaitan faedah menyertai PUSPANITA MBSP dengan kakitangan di jabatan masing-masing khususnya kakitangan lelaki bagi menggalakkan penyertaan suri dalam PUSPANITA MBSP.

5.2 Sebanyak 25 program telah dianjurkan oleh PUSPANITA MBSP sepanjang tahun 2022 yang melibatkan semua Ahli Jawatankuasa Induk dan tujuh (7) biro. Di samping itu juga, PUSPANITA MBSP turut melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti anjuran PUSPANITA Negeri Pulau Pinang dan program-program yang dianjurkan oleh MBSP. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua AJK PUSPANITA MBSP yang berjaya menganjurkan program dan juga kepada ahli yang menyertai semua program yang dianjurkan oleh PUSPANITA MBSP.

5.3 Laporan 25 Program PUSPANITA MBSP adalah seperti di Lampiran A.

## Samb..

6

### **LAPORAN BENDAHARI PUSPANITA MBSP**

6.1 Laporan Kewangan dibentangkan oleh Puan Norshazila binti Alias Bendahari PUSPANITA MBSP.

6.2 Pendapatan bagi tahun 2022 yang diperoleh adalah sebanyak RM750,705.37 bagi bayaran kontrak makanan dan lain-lain biayaan bagi program-program. Perbelanjaan semasa adalah sebanyak RM767,924.20 yang mana membawa kerugian berjumlah RM17,218.83.

6.3 Laporan Kewangan PUSPANITA MBSP Berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti di Lampiran B.

7

### **PEMBENTANGAN PEMILIHAN AJK INDUK PUSPANITA 2023 – 2025**

Pada mesyuarat kali ini, semua Jawatankuasa Induk dipertandingkan bermula dari jawatan Naib Pengerusi I, Naib Pengerusi II, Setiausaha, Penolong Setiausaha I, Penolong Setiausaha II, Penolong Setiausaha III, Bendahari, Penolong Bendahari dan seterusnya wakil-wakil jabatan. Undian dibuat secara dalam talian oleh ahli yang hadir. Keputusan undian adalah seperti di Lampiran C.

8

### **PERBINCANGAN USUL-USUL BERTULIS**

Usul bertulis adalah seperti di Lampiran D.

**Samb..**

9

### **HAL-HAL LAIN**

Pengerusi memaklumkan bahawa pemberian cenderahati untuk anak cemerlang PUSPANITA Negeri Pulau Pinang telah dihentikan mulai tahun 2022.

**Disediakan oleh  
NOR AZIMAH BINTI ISMAIL  
PENOLONG SETIAUSAHA I  
PUSPANITA MBSP**

10

### **PENANGGUHAN MESYUARAT**

Pengerusi Mesyuarat mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada semua AJK yang telah menyumbang tenaga dalam menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Kali Ke-24 Tahun 2023. Ribuan terima kasih juga kepada semua ahli-ahli PUSPANITA & SURI yang hadir bagi menjayakan Mesyuarat Agung kali ini.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.40 tengahari.

**Disemak oleh  
SITI HASLINDA BINTI HASAN  
Naib Pengerusi I  
PUSPANITA MBSP**



## PEMBENTANGAN JAWAPAN USUL BERTULIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MBSP KALI KE – 24 TAHUN 2023

1

<b>Nama</b>	Nor Fatimah Binti Ibrahim
<b>Jabatan / Induk PUSPANITA</b>	Kejuruteraan
<b>Tajuk Usul</b>	Kursus Literasi Kewangan
<b>Penerangan Usul</b>	1. Mempelajari strategi mengurus kewangan dan baki pinjaman. 2. Mendapatkan panduan mengurus aliran kewangan untuk simpanan dan hutang.
<b>Maklumbalas</b>	Cadangan usul ini telah dilaksanakan pada tahun 2023 di bawah program Bengkel Strategi Pengurusan Kewangan Dan Pinjaman Bersama Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang diadakan pada 25 Mei 2023.

2

<b>Nama</b>	Norzita bt Che Rose
<b>Jabatan / Induk PUSPANITA</b>	Kejuruteraan
<b>Tajuk Usul</b>	Program Induk PUSPANITA MBSP
<b>Penerangan Usul</b>	1. Sukaneka PUSPANITA di Upcycle Park MBSP 2. <i>Picnic</i> PUSPANITA dan bertukar hadiah 3. Bola jaring antara jabatan 4. Permainan tradisional (congkak dan batu selambut)
<b>Maklumbalas</b>	Cadangan usul ini telah dimasukkan ke dalam perancangan program/aktiviti PUSPANITA MBSP Tahun 2023. Namun begitu, disebabkan oleh beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan, usul 1 dan 2 tidak dapat dilaksanakan menakala usul 3 telah digantikan dengan Pertandingan Boling Anjuran PUSPANITA MBSP pada 28 Oktober 2023.  Untuk usul 4, PUSPANITA MBSP telah menganjurkan pertandingan Permainan Tradisional – Congkak/Batu Seremban semasa sambutan Hari Bandaraya pada 16 September 2023.

3

<b>Nama</b>	Siva Shankiri A/P Munusamy
<b>Jabatan / Induk PUSPANITA</b>	Kejuruteraan
<b>Tajuk Usul</b>	Cenderahati Perayaan
<b>Penerangan Usul</b>	Mohon tukar cenderahati perayaan
<b>Maklumbalas</b>	Untuk makluman, bajet yang diperuntukkan untuk cenderahati perayaan adalah berjumlah RM10.00 dan PUSPANITA MBSP telah meneruskan pemberian kordial.

4

<b>Nama</b>	Induk PUSPANITA MBSP
<b>Jabatan / Induk PUSPANITA</b>	
<b>Tajuk Usul</b>	Penamatan Sumbangan Covid-19
<b>Penerangan Usul</b>	Sumbangan Covid-19 dihentikan mulai 1 Januari 2023 memandangkan Malaysia memasuki fasa peralihan ke endamik.
<b>Maklumbalas</b>	Mesyuarat bersetuju supaya PUSPANITA MBSP menghentikan Sumbangan Covid-19. Walau bagaimanapun, di peringkat MBSP, sumbangan ini masih diteruskan.

5

<b>Nama</b>	Induk PUSPANITA MBSP
<b>Jabatan / Induk PUSPANITA</b>	
<b>Tajuk Usul</b>	Penambahbaikan Syarat Bagi Sumbangan Ikhlas / Keuzuran
<b>Penerangan Usul</b>	Syarat Pemberian Sumbangan Ikhlas / Keuzuran (RM100.00) Sumbangankeuzuran bagi diri sendiri / suami / anak-anak / ibu bapa atau mertua dalam jagaan sahaja.Dikeluarkan sekali dalam setahun.Sila Kemuakan surat pengesahan masuk hospital.Permohonan ditutup selepas satu (1) dari tarikh masuk hospital.  <b>Cadangan Penambahbaikan</b> Sumbangan Kebajikan Masuk Hospital (nama baharu). Sumbangan ini hanya akan diberikan kepada anak-anak yang berumur 18 tahun ke bawah Sahaja.
<b>Maklumbalas</b>	Mesyuarat bersetuju menerima penambahbaikan syarat bagi Sumbangan Ikhlas / Keuzuran.

**LAPORAN SETIAUSAHA BAGI  
PENGANJURAN PROGRAM/ AKTIVITI  
PUSPANITA BAGI TAHUN 2023**



# CALENDAR 2023

## JANUARY

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
						1
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29
30	31					

## FEBRUARY

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28					

## MARCH

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

## APRIL

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

## MAY

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

## JUNE

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
			1	2	3	4
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30		

## JULY

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
				1	2	
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30
31						

## AUGUST

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

## SEPTEMBER

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
				1	2	3
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	

## OCTOBER

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
					1	
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29
30	31					

## NOVEMBER

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30			

## DECEMBER

MO	TU	WE	TH	FR	SA	SU
				1	2	3
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

46

jumlah program / aktiviti

# SENARAI PROGRAM / AKTIVITI PUSPANITA MBSP TAHUN 2023

BIL.	TARIKH	LOKASI	PROGRAM
1.	10.2.2023	Dewan Kenanga, MBSP	AGM PUSPANITA MBSP
2.	17.2.2023	Executive Ballroom, The Light Hotel	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai Bil.1/2023
3.	4.3.2023	Menara MBSP	Ziarah Kasih Puspanita Cawangan Negeri Pulau Pinang Kepada Pengerusi PUSPANITA MBSP
4.	5.3.2023	Bandar Sunway, Seberang Jaya	Pertandingan Gubahan Barangan Terpakai Sempena Hari Wanita
5.	7.4.2023	Menara MBSP	Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada 70 Orang Kakitangan Yang Tidak Berkemampuan
6.	11.4.2023	Menara MBSP	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk Puspanita Majlis Bandaraya Seberang Perai Bil.2/2023
7.	12.4.2023	Menara MBSP	Program Agihan Bubur Lambuk Anjuran Puspanita MBSP Bersama Nestle
8.	14.4.2023	Surau Menara MBSP	Majlis Khatam Al Quran Anjuran Puspanita MBSP Bersama Rumah Mengaji
9.	6.5.2023	Uitm, Permatang Pauh	Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani Negeri Pulau Pinang Bersama YAB Perdana Menteri
10.	8.5.2023	Menara MBSP	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk Puspanita Majlis Bandaraya Seberang Perai Bil.3/2023

Samb...

BIL.	TARIKH	LOKASI	PROGRAM
11.	11.5.2023	Menara MBSP	Jamuan Raya Aidilfitri MBSP Tahun 2023
12.	25.5.2023	Auditorium, MBSP	Bengkel Strategi Pengurusan Kewangan Dan Pinjaman Bersama Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
13.	1.6.2023	Rumah Kediaman Puan Hasni	Program Ziarah Kasih di Rumah Puan Hasni binti Azizan
14.	21 & 22.6.2023	JKKN,Pulau Pinang	Bengkel Seni Tari / Zumba
15.	5.7.2023	Menara MBSP	Bengkel <i>Outdoor</i> Fotografi Dan Grafik Smartphone
16.	14.7.2023	Tingkat 16	Bengkel Penjagaan Kulit Wajah Dan Tata Hias
17.	14.7.2023	Dewan Kenanga	Majlis Penyerahan Baja kepada Program Jom Jimat, Tanam dan Tuai
18.	20.7.2023	Bilik Mesyuarat Cempaka	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk Puspanita Majlis Bandaraya Seberang Perai Bil.4/2023
19.	21.7.2023	Surau MBSP	Kem Solat
20.	27.7.2023	Menara MBSP	Program Mengacau Bubur Asyura
21.	6.8.2023	Bandar Sunway, Seberang Jaya	Pertandingan Pakaian Kebudayaan
22.	8.8.2023 – 30.9.2023	Menara, MBSP	Pertandingan rekacipta poster digital/fotografi
23.	18 -19.8.2023	Pulau Langkawi	<i>Teambuilding</i>
24.	20.8.2023	PUSPANITA Langkawi	Program Jalinan Mesra Bersama PUSPANITA Agensi MP Langkawi
25.	28.8.2023	Auditorium MBSP	Bengkel Pemantapan Jati Diri Bagi Anak-Anak Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai
26.	8.9.2023	Bilik Mesyuarat Cempaka	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk Puspanita Majlis Bandaraya Seberang Perai Bil.5/2023
27.	16.09.2023	Menara Bandaraya, MBSP	Pertandingan Mewarna Sempena Sambutan hari Bandaraya kali ke-4
28.	Hari Bandaraya		Permainan Tradisional – Congkak/Batu Seremban
29.	MBSP		Pertandingan Gubahan Bunga

Samb...

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PROGRAM</b>
30.	25.9.2023	Menara Bandaraya, MBSP	Sesi Penjurian pertandingan mewarna
31.	7.10.2023	Cameron Highland	Lawatan Ke Cameron Highland
32.	7.10.2023	MP Cameron Highland	Jalinan Mesra Majlis Daerah Cameron Highlands
33.	7.10.2023	Mardi,Cameron Highland	Jalinan Mesra Mardi Cameron Highlands
34.	9.10.2023	Surau, MBSP	Pengurusan Jenazah
35.	20.10.2023	Dewan Badawi, Butterworth	Kursus Etika Dan Sosial
36.	28.10.2023	Mydin Mall	Pertandingan Boling
37.	30.10.2023	Menara, MBSP	Majlis Penyerahan Kerusi Roda
38.	30.10.2023	Menara, MBSP	Majlis Penyerahan Kutipan Sumbangan Dana Palestin
39.	30.10.2023	Menara MBSP	Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang Program PUSPANITA Program Jom Jimat, Tanam Dan Tuai Antara Jabatan Mewarna Bagi Anak-Anak Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai Permainan Tradisional – Congkak/Batu Seremban Permainan Tradisional – Congkak/Batu Seremban Pertandingan Rekacipta Poster Digital / Fotografi
40.	15.11.2023	Bilik Mesyuarat Cempaka	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk Puspanita Majlis Bandaraya Seberang Perai Bil.6/2023
41.	23.11.2023	Rumah Amal, Kulim	Program Jalinan Mesra dan Majlis Penyerahan Kerusi Roda Serta Produk Upcycle kepada Rumah Amal, Kulim
42.	28.11.2023	Rumah Darul Hanan	Program Jalinan Mesra dan Majlis Penyerahan Kerusi Roda Serta Produk Upcycle kepada Rumah Darul Hanan, Kepala Batas
43.	1.12.2023	Bilik PUSPANITA MBSP	Program Gotong Royong
44.	11.12.2023	Auditorium MBSP	Ceramah Magnet Diri : Bengkel Pengurusan Stress
45.	21.12. 2023	Rumah Lat	Lawatan ke Rumah Lat
46.	21.12.2023	Manjung	Jalinan Mesra ke Manjung Perak

# BIRO PENDIDIKAN



PUAN AZURA BINTI RAMLI



PUAN EASVARI PRADHAA  
A/P MANOGRAN (KETUA)



PUAN RAJESWARI A/P SUBRAMANI

**TAHUN 2023**

**5**

***program / aktiviti***






## BENKEL STRATEGI PENGURUSAN KEWANGAN DAN PINJAMAN

Tarikh: 25 Mei 2023 (Khamis)  
Masa: 8.30 pagi – 1.00 tengah hari  
Tempat: Auditorium, Menara Bandaraya, Bandar Perda

Bengkel Strategi Pengurusan Kewangan Dan Pinjaman kepada 120 orang peserta yang terdiri daripada ahli PUSPANITA dan kakitangan MBSP bersama Puan Noorhaliza binti Abu Bakar, Ketua Unit, Content Development, Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK).



Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada Ahli PUSPANITA dan kakitangan MBSP mengenai kepentingan merancang dan mempraktikkan pengurusan kewangan dan pinjaman dengan baik serta membantu peserta untuk pelan perancangan kewangan yang lebih berkesan. Selain itu, peserta juga telah berpeluang untuk menyemak status pinjaman masing-masing melalui e-CCRIS.




## BENKEL PENJAGAAN KULIT WAJAH DAN TATA HIAS

Tarikh : 14 Julai 2023 (Jumaat)  
Masa : 8.30 pagi – 1.00 tengah hari  
Tempat : Ruang Keraian, Tingkat 16,  
Menara Bandaraya, MBSP

Biro Pendidikan, PUSPANITA MBSP telah mengadakan Bengkel Penjagaan Kulit Wajah Dan Tata Hias kepada 30 orang peserta yang terdiri daripada ahli PUSPANITA MBSP.

Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan dan latihan kepada Ahli PUSPANITA dan kakitangan MBSP berkenaan penjagaan kulit wajah yang lebih rapi dan tata hias yang sempurna serta ketrampilan diri.

Bengkel ini akan meningkatkan keyakinan diri dan menonjolkan kewibawaan serta identiti tersendiri Ahli PUSPANITA MBSP serta meningkatkan imej kakitangan MBSP sebagai Penjawat Awam.





## BENKEL PEMANTAPAN JATI DIRI BAGI ANAK-ANAK KAKITANGAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Tarikh : 28 Ogos 2023 (Isnin)  
Masa : 8.30 pagi – 5.00 petang  
Tempat : Auditorium, Menara  
Bandaraya, MBSP

Objektif bengkel ini adalah untuk mendedahkan anak-anak kakitangan MBSP dengan teknik-teknik baharu yang akan membantu memantapkan jati diri.

Bengkel ini akan meningkatkan tahap potensi diri dan mencungkil personaliti diri anak-anak yang terpendam. Anak-anak juga telah mempelajari cara-cara membaiki diri untuk menuju puncak kejayaan dan menjadi insan kelas pertama yang mempunyai nilai-nilai etika dan sahsiah yang tinggi.






**PERTANDINGAN MEWARNA SEMPENA  
SAMBUTAN HARI BANDARAYA  
KALI KE-4, MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI**

**BERTEMAKAN “I ♥SEBERANG PERAI“  
Tarikh : 16 September 2023  
Tempat : Lobi Menara Bandaraya MBSP**



**SESI PENJURIAN BPERTANDINGAN  
MEWARNA SEMPENA SAMBUTAN HARI  
BANDARAYA KALI KE-4, MAJLIS  
BANDARAYA SEBERANG PERAI  
Tarikh : 25 September 2023  
Tempat : Ruang Keraian, Tingkat 16,  
MBSP.**

# BIRO KESENIAN DAN KEBUDAYAAN



PUAN SHAZARIMA BT ROSLAN



PUAN INTAN SYALINA BT  
MAT REJAB (KETUA)



PUAN NUR SAFAWATI BT  
MOHAMAD YUSOFF

**TAHUN 2023**

**4**

***program / aktiviti***



**BENGKEL ASAS SENI TARI (JOGET & INANG)**  
**TARIKH ; 21 - 22 JUN 2023**  
**TEMPAT : STUDIO TARI JKKN PULAU PINANG**

Hasil kolaborasi PUSPANITA MBSP (Biro Kesenian & Kebudayaan) bersama Jabatan Kesenian & Kebudayaan Negara, Negeri Pulau Pinang (JKKN).

Bengkel bertujuan untuk mencari bakat baru serta mengukuhkan lagi dalam bidang kesenian dan tarian yang mana dapat tanamkan sifat perpaduan.



# Pertandingan Busana Tradisional Merdeka

SERLAHKAN BAKAT & KREATIVITI ANDA

6 Ogos 2023  
Perkarangan Bandar Sunway,  
Seberang Jaya  
8.30 Pagi - 12 Tengah hari

PENDAFTARAN  
PERGUMA

SILA IMBAS QR UNTUK  
MENDAFTAR

Tarikh tutup pendaftaran  
1 Ogos 2023

Terhad untuk  
30 peserta

Terbuka kepada :  
Kanak-kanak Lelaki & Perempuan 12 tahun ke bawah

- HADIAH MENARIK MENANTI ANDA  
- BOGIEB DIMPUK BERTAP PERAYA

Untuk Pertanyaan Lanjut Sila Hubungi :  
Watie - 045497555 / Intan - 045497545 / Emma - 045497568



## PERTANDINGAN BUSANA TRADISIONAL SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN TARIKH : 6 OGOS 2023 (AHAD) TEMPAT : CAR FREE MORNING, BANDAR SUNWAY

Objektif utama program ini adalah untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara Malaysia, meningkatkan kesedaran dan penghayatan kemerdekaan di kalangan warga, mendorong dan mencetus kreativiti warga serta menyemarak semangat kerjasama dan berpasukan.

Disamping itu dapat mencungkil bakat dan potensi dalam memperagakan pakaian tradisional serta membina sikap berani, bertanggungjawab dan berketrampilan. Secara tidak langsung dapat memberi ruang kepada generasi muda mengenali busana tradisional disamping dapat mempertingkatkan keyakinan dalam berkomunikasi di khalayak ramai.



**PERTANDINGAN BATU SEREMBAN DAN CONGKAK  
SEMPENA SAMBUTAN HARI BANDARAYA KE-4  
TARIKH : 16 SEPTEMBER 2023 (SABTU)  
TEMPAT : LOBI, MENARA BANDARAYA MBSP**





**LAWATAN KE GALERI RUMAH LAT, BATU GAJAH**

**TARIKH : 21 DISEMBER 2023 (KHAMIS)**

**TEMPAT : RUMAH LAT, BATU GAJAH**



Objektif lawatan adalah bertujuan untuk mengenali seniman Diraja Datuk Mohd Nor Khalidn(Datuk Lat) dan berkongsi pengalaman / pengetahuan tentang karya seni dan bahan-bahan berkaitan dengan kartunis.



# BIRO PEMBANGUNAN WANITA



PUAN NOR AZIMAH BT ISMAIL  
(KETUA)



PUAN SITI SYAFIQAH BT YUSOF

**TAHUN 2023**

**7** *program / aktiviti*



## **MAJLIS PENYERAHAN BAJA SEMPENA PROGRAM JOM JIMAT, TANAM DAN TUAI ANTARA JABATAN MBSP**

**TARIKH : 14 JULAI 2023**

**MASA : 9.00 PAGI**

**TEMPAT : DEWAN KENANGA, MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI\***

Majlis Penyerahan Baja Sempena Program Jom Jimat, Tanam dan Tuai Antara Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar MBSP. Turut hadir di dalam majlis ini adalah Puan Noraishah binti Hashim Timbalan Pengerusi PUSPANITA MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ahli-Ahli Majlis MBSP, Ketua-ketua Jabatan MBSP dan seterusnya semua kakitangan yang menyertai program ini.

Sebanyak 13 jabatan menyertai Program Jom Jimat, Tanam dan Tuai. Penyerahan baja yang telah dibuat oleh YBhg. Datuk Bandar adalah sebagai galakan kepada jabatan untuk menanam dan menghasilkan sayur-sayuran yang terbaik di jabatan.



## **Program Jalinan Mesra Bersama PUSPANITA Agensi MP Langkawi**

TARIKH : 20 OGOS 2023

TEMPAT : MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI

Program ini telah dihadiri seramai 19 AJK Induk bersama Timbalan Pengerusi PUSPANITA MBSP. Turut hadir menyertai program ini adalah Tuan Setiausaha Bandaraya MBSP. Kehadiran PUSPANITA MBSP telah disambut oleh Puan Rafizah binti Hashim Pengerusi PUSPANITA MPLBP dan YM Tunku Iskandar Shah bin Tunku Muszaffar Shah Yang Dipertua MPLBP bersama-sama AJK Induk PUSPANITA MPLBP.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk menjalinkan hubungan silaturahim dan bertukar-tukar pandangan serta idea untuk menerajui PUSPANITA dengan pelbagai program yang dirancang kepada ahli-ahli PUSPANITA.



## **PERTANDINGAN JOM JIMAT, TANAM DAN TUAI ANTARA JABATAN MBSP**

**Tarikh : 3 Julai - 7 September 2023**

**Tempat : Jabatan MBSP**

**Konsep : Kebun Bandar (Tanaman sayuran dalam pasu)**

Program ini julung kali diadakan antara jabatan di MBSP. Objektif pertandingan ini adalah untuk memberi galakan kepada kakitangan MBSP supaya lebih komited dalam memanfaatkan tanah dan ruang sedia ada untuk kegunaan aktiviti yang lebih sihat. Disamping itu, pertandingan ini akan dapat melahirkan komuniti yang kreatif, inovatif dan saling bekerjasama serta menerapkan program kitar semula.



## **KURSUS PENGURUSAN JENAZAH ANJURAN BIRO PEMBANGUNAN WANITA PUSPANITA MBSP**

**Tarikh : 9 Oktober 2023 (Isnin)**

**Masa : 8.30 pagi – 1.00 petang**

**Tempat : Surau MBSP, Tingkat Mezzanine,  
Menara Bandaraya**

Program ini dipimpin oleh Ustazah Shamun binti Hj Ali. Seramai 115 orang peserta telah menghadiri kursus ini.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman secara terperinci tentang cara pengurusan jenazah, mempersiapkan satu (1) keluarga dengan satu (1) orang pemandi jenazah di kalangan keluarga sendiri dan menambah ilmu pengetahuan berkaitan pengurusan jenazah kerana ianya adalah ilmu fardhu kifayah yang dituntut di dalam agama Islam. Diharapkan kursus ini bermanfaat kepada semua peserta.



**PROGRAM LAWATAN JALINAN MESRA PUSPANITA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)  
BERSAMA PUSPANITA MAJLIS DAERAH CAMERON  
HIGHLAND DAN MARDI, CAMERON HIGHLANDS**

**Tarikh : 6 Oktober 2023 (Jumaat)**

**Masa : 8.00 pagi – 4.30 petang**

**Tempat : Majlis Daerah Cameron Highlands & MARDI,  
Cameron Highlands**

Program ini diketuai oleh Puan Siti Haslinda binti Hassan, Naib Pengerusi PUSPANITA MBSP I. Seramai 41 orang peserta telah menghadiri program ini.

Objektif Program ini adalah salah satu usaha untuk mengeratkan hubungan mesra dua hala dan meningkatkan kerjasama antara kedua-dua pihak di masa akan datang selain memberi peluang kepada peserta program untuk mengenal dengan lebih dekat aktiviti-aktiviti yang ada di tanah tinggi Cameron Highland.



**PROGRAM JALINAN MESRA BERSAMA  
PUSPANITA PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
MANJUNG**

**Tarikh : 21 Disember 2023 (Khamis)  
Masa : 7.00 pagi – 6.30 petang  
Tempat : Taman Paya Bakau Bandar Lumut,  
Perak**

Objektif program adalah untuk memberi peluang kepada semua ahli PUSPANITA MBSP untuk sama-sama berkongsi pengalaman/ penambahbaikan / inovasi dalam melaksanakan aktiviti kepada ahli PUSPANITA dan kakitangan MBSP.

Seramai 44 orang ahli PUSPANITA MBSP telah menyertai program pada kali ini. Di dalam program ini Ahli PUSPANITA diberi peluang untuk menanam pokok bakau di Taman Paya Bakau Bandar, Lumut. Pengalaman menanam pokok bakau ini sangat bermakna buat ahli PUSPANITA MBSP.



# BIRO LAWATAN DAN REKREASI



PUAN KHAIRUNISA BT ROSLY



PUAN UMI SARA BT SAHIBON  
(KETUA)



PUAN SHEREEN BINTI SALIM

**TAHUN 2023**

**2**

***program / aktiviti***

## LAWATAN KE TANAH TINGGI, CAMERON HIGHLANDS

Tarikh : 6 Oktober 2023 (Jumaat)

Masa : 8.00 pagi – 4.30 petang

Tempat : Cameron Highlands, Pahang

objektif lawatan adalah bertujuan untuk meneroka tempat-tempat menarik di Cameron Highlandserta memberi peluang kepada ahli dan kakitangan MBSP merasai keindahan flora dan fauna. Di antara tempat yang dilawati adalah Farm, Lavender Garden dan lain-lain lagi.





## Pertandingan Boling Ahli PUSPANITA MBSP

Tarikh : 28 Oktober 2023 Sabtu

Masa : 2.00 Petang hingga selesai

Tempat : OLE-OLE SUPERBOWL MYDIN MALL

Objektif utama program ini adalah untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara Malaysia, meningkatkan kesedaran dan penghayatan kemerdekaan di kalangan warga, mendorong dan mencetus kreativiti warga serta menyemarak semangat kerjasama dan berpasukan.

Disamping itu dapat mencungkil bakat dan potensi dalam memperagakan pakaian tradisional serta membina sikap berani, bertanggungjawab dan berketrampilan. Secara tidak langsung dapat memberi ruang kepada generasi muda mengenali busana tradisional disamping dapat mempertingkatkan keyakinan dalam berkomunikasi di khalayak ramai.



# BIRO ICT DAN SERANTA



PUAN ALIA NADHIRAH  
BT AHMAD SABRI



PUAN Sr NUR SHAKILA  
BT SHAMSUDIN (KETUA)



PUAN ZUHAIZA BT ZAKARIYA

TAHUN 2023

2

*program / aktiviti*

## KURSUS ASAS FOTOGRAFI TELEFON PINTAR SECARA OUTDOOR

Tarikh: 5 Julai 2023  
Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
Tempat: Menara Bandaraya MBSP & Upcycle Park



## PERTANDINGAN REKACIPTA POSTER DIGITAL / FOTOGRAFI

Tarikh: 8 Ogos - 30 September 2023  
Tempat: Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP



# BIRO EKONOMI



PUAN NOR AZZILA BT ZAWAWI



PUAN SARIMAH BT ISMAIL (KETUA)



PUAN ZALEHA BT IBRAHIM



PUAN WANIAZLIN BT  
ABD MUTALIB

TAHUN 2023

**3**

*program / aktiviti*

## Pertandingan Gubahan Barangan Terpakai Sempena Hari Wanita

Tarikh : 5 Mac 2023

Masa : 8.30 pagi

Tempat : Car Free Morning, Sunway



## PERTANDINGAN GUBAHAN BUNGA SEMPENA SAMBUTAN HARI BANDARAYA MBSP

Tarikh : 16 September 2023

Masa : 8.30 pagi

Tempat : Lobi Menara Bandaraya MBSP

## **KURSUS ETIKET DAN SOSIAL TARIKH, MASA DAN TEMPAT**

Tarikh : 20 Oktober 2023 (Jumaat)

M a s a : 8.30 pagi - 12.30 tengahari

Tempat : Dewan Dato' Hj Ahmad Badawi,  
Butterworth, Pulau Pinang

Program in akan meningkatkan pengetahuan berkaitan etiket sosial dan etika makan beradab dalam majlis rasmi. Para peserta akan menjadi lebih yakin dan mahir untuk mengatur, mengelola dan mengendalikan sebarang jenis majlis. Secara tidak langsung, imej organisasi lebih mantap dan berwibawa.





## BIRO KEBAJIKAN



PUAN SANDRAKALA A/P  
SUBRAMANIAN



PUAN ZAKIAH BT SAMSUDIN  
(KETUA)



PUAN INTAN NADYRA BT  
ABU HASAN

**TAHUN 2023**

**5**

***program / aktiviti***



## ZIARAH KASIH PUAN HASNI BINTI AZIZAN

Tarikh : 1 Ogos 2023  
Tempat : Kediaman Puan Hasni



## MAJLIS KHATAM AL QURAN ANJURAN BERSAMA RUMAH MENGAJI

Tarikh : 14 April 2023  
Masa : 12.30 Tengah hari  
Tempat : Surau, MBSP



## PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA 70 KAKITANGAN YANG TIDAK BERKEMAMPUAN SEMPENA PROGRAM IHYA' RAMADHAN

Tarikh : 7 April 2023  
Tempat : Dewan Kenangan  
Menara Bandaraya MBSP

Majlis disempurnakan oleh Datuk Bandar MBSP, YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad. Turut hadir bersama Setiausaha Bandaraya MBSP, Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid; Pengerusi Puspanita MBSP, YBhg. Datin Razimah Binti Mohamed; Timbalan Pengerusi MBSP, YBrs. Puan Noraisyah binti Hashim; Ahli-ahli Majlis MBSP, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan MBSP. Seramai 70 orang kakitangan MBSP telah terpilih tahun ini untuk menerima sumbangan berupa barangan keperluan dapur serta wang tunai.





## PROGRAM MENGACAU BUBUR ASYURA

Tarikh : 27 Julai 2023  
Tempat : Menara Bandaraya MBSP



## PROGRAM JALINAN MESRA DAN MAJLIS PENYERAHAN KERUSI RODA SERTA PRODUK UPCYCLE KEPADA RUMAH AMAL

Tarikh : 23 November 2023  
Tempat : Rumah Amal, Kulim

## PROGRAM BERSAMA INDUK & BIRO



### AGM PUSPANITA MBSP TAHUN 2023

Tarikh : 10 Februari 2023  
Tempat : Dewan Kenanga, MBSP



## PROGRAM KEM SOLAT

Tarikh : 21 Julai 2023  
Tempat : Surau, Menara Bandaraya,  
MBSP



**JAMUAN RAYA AIDILFITRI MBSP  
TAHUN 2023**

Tarikh : 11 MEI 2023

Masa :10.00 pagi

Tempat :Menara Bandaraya, MBSP



**RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MALAYSIA MADANI  
NEGERI PULAU PINANG BERSAMA YAB PERDANA  
MENTERI**

Tarikh : 6 Mei 2023

Masa : 10.00 pagi

Tempat : UiTM, Permatang Pauh



**PROGRAM TEAMBUILDING AJK INDUK SESI 2023-2025**  
**TARIKH :18 - 19 OGOS 2023**  
**TEMPAT : PULAU LANGKAWI, KEDAH**



## MAJLIS PENYERAHAN KERUSI RODA KEPADA KAKITANGAN MBSP

Tarikh : 30 Oktober 2023

Masa : 10.00.0 pagi

Tempat : Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP



## MAJLIS PENYERAHAN KUTIPAN SUMBANGAN DANA PALESTIN

Tarikh : 30 Oktober 2023

Masa : 10.00.0 pagi

Tempat : Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP





## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA PEMENANG PROGRAM-PROGRAM SEMPERA SAMBUTAN HARI BANDARAYA

Tarikh : 30 Oktober 2023

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Dewan Kenanga,  
Menara Bandaraya MBSP



## PROGRAM JALINAN MESRA DAN PENYERAHAN KERUSI RODA SERTA PRODUK UPCYCLE KEPADA RUMAH DARUL HANAN

Tarikh : 28 November 2023

Tempat : Rumah Darul Hanan, Kepala Batas



# PENYATA KEWANGAN



HAL-HAL LAIN

**PUSPANITA CAWANGAN KECIL MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**  
**SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

	RM	RM
<b>PENDAPATAN</b>		
TERIMAAN BAYARAN MAKAN MESYUARAT/PROGRAM/KURSUS MBSP	432,193.90	
TERIMAAN BAYARAN PENGURUSAN PRU15 / PRU DUN	280,270.00	
TERIMAAN BAYARAN MAKANAN PROGRAM PWDC	8,000.00	
TERIMAAN BAYARAN MAKANAN MAJLIS RUMAH TERBUKA MALAYSIA MADANI	42,000.00	
TERIMAAN YURAN KEAHLIAN	8,559.00	
SEWA GRADUAN KECIL	18,000.00	
SEWA KANTIN MENARA BANDARAYA	3,500.00	
TERIMAAN BAYARAN PROGRAM HARI BANDARAYA	40,339.00	
TERIMAAN BAYARAN PROGRAM SPICEC	<u>51,147.50</u>	
		<b>884,009.40</b>
<b>LAIN-LAIN PENDAPATAN</b>		
FAEDAH BANK	172.00	
SUMBANGAN PUSPANITA NEGERI PULAU PINANG	1,500.00	
SEWA GERAI AGM PUSPANITA	150.00	
JUALAN JUTE BAG	66.00	
SEWA KANTIN JALAN BETEK	2,200.00	
TERIMAAN BAYARAN YURAN PENYERTAAN	4,235.00	
TERIMAAN SUMBANGAN PROGRAM	23,125.00	
TERIMAAN BAYARAN PEMBELIAN SEMASA AGM PUSPANITA	1,750.00	
TERIMAAN PELBAGAI	3,866.10	
TERIMAAN BAYARAN TEAM BUILDING AJK INDUK PUSPANITA	2,072.00	
GERAN TAHUNAN MBSP	<u>5,000.00</u>	
		<b>44,136.10</b>
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>928,145.50</b>

**PUSPANITA CAWANGAN KECIL MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**  
**SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

	RM	RM
<b>PERBELANJAAN</b>		
SUMBANGAN KEBAJIKAN	19,630.00	
BAYARAN MAKAN MESYUARAT/PROGRAM/KURSUS MBSP	415,497.80	
SUMBANGAN PESAKIT COVID	400.00	
BIRO PENDIDIKAN	14,353.95	
PERBELANJAAN PELBAGAI	5,633.85	
PERBELANJAAN AGM PUSPANITA	33,830.70	
SUMBANGAN CENDERAHATI 4 PERAYAAN	6,176.60	
JUALAN GERAJ AGM PUSPANITA	1,704.00	
ELAUN AJK INDUK PUSPANITA	6,750.00	
BENGGEL PERANCANGAN PROGRAM TAHUN 2023	3,688.80	
PROGRAM IHYA RAMADHAN	4,009.00	
BAYARAN PENGURUSAN PRU15/PRU DUN	276,635.50	
BAYARAN MAJLIS JAMUAN RAYA MADANI	31,045.50	
BIRO KESENIAN DAN KEBUDAYAAN	5,020.00	
BIRO PEMBANGUNAN WANITA	11,138.70	
PROGRAM JAWATANKUASA INDUK	1,370.00	
BIRO KEBAJIKAN	1,121.90	
TEAM BUILDING AJK PUSPANITA	8,268.00	
SAMBUTAN HARI BANDARAYA	19,975.45	
BIRO LAWATAN DAN REKREASI	5,831.00	
SPICEC 2023	47,227.50	
BIRO ICT	1,650.00	
BIRO EKONOMI	1,265.00	
ELAUN TELEFON	600.00	
CAJ PERKHIDMATAN BANK	390.50	
SUSUT NILAI ASET	<u>88.23</u>	
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>923,301.98</b>
<b>KEUNTUNGAN</b>		<b><u>4,843.52</u></b>

**PUSPANITA CAWANGAN KECIL MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**KUNCI KIRA-KIRA SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

	RM	RM	RM
<b>ASET TETAP</b>			
PETI BESI ALPHAMAX	1,480.00		
SUSUT NILAI TERKUMPUL-PETI BESI ALPHAMAX	(1,348.82)	<b>131.18</b>	
SONY DIGITAL HANDY CAM	2,950.00		
SUSUT NILAI TERKUMPUL-SONY DIGITAL HANDY CAM	(2,710.14)	<b>239.86</b>	
MEJA BILIK PUSPANITA	1,850.00		
SUSUT NILAI TERKUMPUL-MEJA BILIK PUSPANITA	(1,647.57)	<b>202.43</b>	
CANON DIGITAL CAMERA	533.00		
SUSUT NILAI TERKUMPUL-CANON DIGITAL CAMERA	(434.23)	<b>98.77</b>	
<b>JUMLAH ASET TETAP</b>			<b>672.24</b>
<b>ASET SEMASA</b>			
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (33905)		<b>6,453.76</b>	
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (45244)		<b>38,920.26</b>	
DEPOSIT TETAP		<b>15,000.00</b>	
TUNAI		<b>12,285.60</b>	
<b>PENGHUTANG</b>			
MBSP		<b>68,527.00</b>	
PENYEWA KANTIN JALAN BETEK (SALMAH)		<b>1,200.00</b>	

**PUSPANITA CAWANGAN KECIL MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**KUNCI KIRA-KIRA SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>			<b>142,386.62</b>
ASET SEMASA BERSIH			142,386.62
ASET BERSIH			<u><b>143,058.86</b></u>
<b>DIBIAYAI OLEH : MODAL / EKUITI</b>			
TABUNG SINAR KASIH			<b>1,002.25</b>
DEPOSIT 2019		<b>3,000.00</b>	
DEPOSIT 2022		<b>1,000.00</b>	
UNTUNG/RUGI TERKUMPUL		<b>133,213.09</b>	
(+) KEUNTUNGAN 2022	<u><b>4,843.52</b></u>	<u><b>138,056.61</b></u>	<b>143,058.86</b>
<b>JUMLAH MODAL / EKUITI</b>			<u><b>143,058.86</b></u>

# PEMBENTANGAN USUL BERTULIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-25 TAHUN 2024

1

<b>Nama</b>	NOOR SHIDAYU BINTI ZAINON JESLINA A/P YESSOO
<b>Jabatan</b>	PERKHIDMATAN PERBANDARAN
<b>Tajuk Usul</b>	HADIAH HARI JADI
<b>Penerangan Usul</b>	Mohon memberi hadiah hari jadi untuk setiap ahli tidak kira murah atau mahal.

2

<b>Nama</b>	NUR AMIRAH BINTI AZAHARI ASSILATUL AHADA BINTI AHMAD KHALIDIK NORAHIDA BINTI NASIR
<b>Jabatan</b>	PERKHIDMATAN PERBANDARAN
<b>Tajuk Usul</b>	PEMBERIAN DOORGIFT RAYA
<b>Penerangan Usul</b>	Pelbagaikan doorgift raya selain kordial. Cadangan: i. Biskut Raya ii. Serunding iii. Ketupat segera iv. Kerepek

3

<b>Nama</b>	AJK INDUK PUSPANITA MBSP
<b>Jabatan</b>	AJK INDUK PUSPANITA
<b>Tajuk Usul</b>	Sumbangan'i kasih' kepada ahli PUSPANITA yang menghidap sakit kritikal
<b>Penerangan Usul</b>	Sumbangan wang tunai sebanyak RM 100.00 secara <i>one off</i> kepada ahli yang menghidap sakit kritikal. Kategori penyakit yang boleh dipertimbangkan :- i. Kanser Jantung ii. Pendarah Otak iii. Masalah Buah Pinggang iv. Tumor Pulmanory v. Hypertension vi. Lain-Lain penyakit yang disahkan penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan kerja oleh pakar perubatan kerajaan atau swasta







# GALERI


# MEMORI TAHUN 2023



# MEMORI TAHUN 2023



# MEMORI TAHUN 2023





# Terima Kasih

**“WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT”  
“PUSPANITA MBSP – DINAMIK DAN CEMERLANG”**